

UiTM Terengganu tewas tipis bertemu Shah Alam

Sinar Harian 27/10/2013

KUALA TERENGGANU - Misi pasukan futsal Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu untuk meraih kemenangan pertama pada perlawanan pembukaan Kejohanan Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) 2013 tidak kesampaian apabila tewas tipis 0-1 kepada pasukan naib juara musim lalu, Shah Alam di Gelanggang Futsal Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) semalam.

Begitu pun pengendalinya, Jamaluddin Yahya enggan menyalahkan anak buahnya dengan kekalahan itu sebaliknya menganggap nasib tidak menyebelahi mereka kerana pasukannya berjaya menghasilkan beberapa cubaan menarik di depan gawang pelawat.

Justeru, beliau menuntut anak buahnya bangkit dalam dua lagi perlawanan ketika bertemu Puncak Alam dan Kedah nanti.

Pada perlawanan itu, tuan rumah bermula garang dengan melakukan asakan ke gawang pelawat namun beberapa percubaan menarik berjaya dipatahkan penjaga gol UiTM Shah



Pasukan UiTM Terengganu berazam untuk bangkit meraih kemenangan ketika bertemu Puncak Alam dan Kedah selepas tewas tipis 0-1 kepada Shah Alam, semalam.

Alam yang dikawal rapi Muhammad Kamarul Faiz.

Masuk babak kedua, pelawat berjaya

menamatkan kebuntuan gol menerusi rembatan Muhammad Faizzuddin Md Abas sekaligus membawa pasuk-

an UiTM Shah Alam di depan.

Tuan rumah yang mempunyai peluang untuk mengikat kedudukan

an menerusi dua cubaan menarik Muhammad Hafiz Zalani dan Muhammad Nazreen Saudi gagal menemui jaring gol.

Mengulas persediaan perlawanan kedua menentang Puncak Alam malam nanti (semalam), Jamaluddin berharap skuad kendaliannya itu mampu mengekalkan rentak permainan mereka dan sentiasa berwaspada dengan ancaman yang bakal diberikan.

"Apa pun dalam dua perlawanan ini nanti kami perlu meraih kemenangan dan mampu menjaringkan seberapa banyak gol untuk berada di kedudukan terbaik kumpulan C.

"Saya akan perbaiki beberapa kelemahan yang ada dalam pasukan pada perlawanan ini dan memastikan kesilapan sama tidak akan berulang," katanya.

Pada perlawanan pembukaan itu, pasukan Melaka menewaskan Perlis 4-2 bagi Kumpulan A, manakala Kelantan menundukkan Negeri Sembilan dalam Kumpulan B dan Pahang mendahului Kolej Bersekutu, 2-1 bagi Kumpulan D.